



---

**SURAT PEKELILING KEWANGAN  
BILANGAN 3 TAHUN 2019**

---

**KELULUSAN BAYARAN PENEMU (*INTRODUCER*)  
DAN PENGAGIHAN LEBIHAN HASIL BAGI PROJEK  
PERUNDINGAN MELALUI UNIVERSITI DAN  
SYARIKAT (SYARIKAT INDUK DAN ANAK-ANAK SYARIKAT)**

**Pejabat Bendahari**

29 Mei 2019

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

**SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.3/2019**

**KELULUSAN BAYARAN PENEMU (*INTRODUCER*)  
DAN PENGAGIHAN LEBIHAN HASIL  
BAGI PROJEK PERUNDINGAN MELALUI UNIVERSITI DAN  
SYARIKAT (SYARIKAT INDUK DAN ANAK-ANAK SYARIKAT)**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Syarikat (Syarikat Induk dan Anak-anak Syarikat) mengenai kelulusan bayaran penemu (*introducer*) kepada staf Universiti bagi projek perundingan yang dilaksanakan sama ada melalui Universiti atau syarikat dan pengagihan lebihan hasil projek perundingan.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Penemu (*introducer*) adalah individu atau kumpulan yang memperkenalkan atau membawa masuk projek perundingan ke UTeM.
- 2.2 Garis Panduan Perundingan UTeM yang dipekelilingkan pada 20 Oktober 2015 menyatakan bahawa:

2.2.1 Para 13.3 Bayaran *Introducer/Finder*

- i. Para 13.3.1 : Caj yuran yang boleh dikenakan secara *one-off* ini adalah dibenarkan dibayar kepada staf UTeM yang membantu bagi mendapatkan projek perundingan tertakluk kepada perundingan yang dilaksanakan dan persetujuan semua pihak yang terlibat (dengan syarat bukan staf Syarikat) sebanyak 5% bagi setiap projek perundingan yang diperoleh;

- ii. Para 13.3.2 : Bayaran ini akan dimasukkan sebagai kos keseluruhan projek dengan syarat projek perundingan tersebut adalah melalui dan di bawah penyeliaan syarikat sahaja; dan

#### 2.2.2 Para 11.0 : Pengagihan Bayaran Keuntungan Projek.

Pada penghujung setiap projek, Ketua Projek boleh mencadangkan agihan lebihan baki jumlah terkumpul bersih hasil daripada penjimatan kos projek yang dilaksanakan tersebut kepada mana-mana Tabung Kewangan PTj yang dipilih berdasarkan budi bicaranya. Pengagihan bayaran tersebut akan dilaksanakan oleh UHSB dan anak-anak syarikat dan Pejabat Bendahari.

- 2.3 Dalam usaha menggalakkan projek perundingan dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) melalui Universiti, cadangan bayaran penemu bagi projek perundingan yang dilaksanakan melalui Universiti dan pengagihan lebihan projek antara Universiti dengan PTj telah dibentangkan serta diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi (JKT) Bil. 2/2019 dan seterusnya diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.2/2019.

### 3.0 KAEDAH PENGIRAAN BAYARAN PENEMU

- 3.1 Bayaran penemu (*introducer*) diselaraskan untuk projek-projek perundingan melalui Universiti dan Syarikat (Syarikat Induk dan Anak-anak Syarikat).
- 3.2 Penetapan kadar bayaran penemu dibuat mengikut nilai setiap projek perundingan:

**Jadual 1 : Kadar Bayaran Penemu**

Nilai Projek	Kadar bayaran Penemu
Sehingga RM199,999	5.00%
RM200,000-RM299,999	4.50%
RM300,000-RM399,999	4.00%
RM400,000-RM499,999	3.50%
RM500,000 dan ke atas	3.00%

3.3 Cara pengiraan bayaran penemu adalah seperti berikut :

$$\text{(Kos Bayaran Profesional/ Honorarium + Kos Langsung) x Kadar Bayaran Penemu \%}$$

3.5 Bayaran penemu akan dimasukkan sebagai kos keseluruhan projek dan pembayaran kepada penemu akan dibuat setelah bayaran diterima bagi projek berkenaan.

#### 4.0 AGIHAN LEBIHAN HASIL PROJEK PERUNDINGAN

4.1 Jika terdapat lebih wang daripada penjimatan kos projek iaitu sama ada projek melalui Universiti atau syarikat, lebih hasil ini akan dikongsi bersama antara Tabung Kewangan PTj (80%) dan hasil Universiti (20%).

4.2 Syarikat perlu membuat bayaran lebih tersebut kepada Universiti dan pengagihan bayaran akan dibuat oleh Pejabat Bendahari.

#### 5.0 PENGGUNAAN BORANG DAFTAR PERUNDINGAN

5.1 Semua permohonan projek perundingan oleh PTj sama ada melalui Universiti atau syarikat perlu menggunakan Borang Daftar Perundingan (*Consultant Registration Form*) Pej.PNC-JIM(PJM18/02) seperti Lampiran 1 atau boleh muat turun borang melalui <http://pjim.utem.edu.my/ms/pusat-hubungan-industri-phi-2/muat-turun-borang.html>.

5.2 Butiran nama penemu dan pengiraan bayaran penemu (jika ada) perlu diisi di bahagian C iaitu Struktur Perincian Kos/Caj di Borang Daftar Perundingan ini.

5.3 Borang yang lengkap perlu dihantar ke Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) (PNC (JIM)) untuk tindakan selanjutnya dan surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat PNC (JIM) kepada PTj.

## 6.0 PEMAKAIAN DAN PINDAAN PEKELILING

6.1 Dengan berkuatkuasa surat pekeliling ini bermula 18 April 2019, maka pindaan Garis Panduan Perundingan UTeM (Pekeliling Bendahari Bil. 3/2015) adalah seperti berikut :

### 6.1.1 Para 11.0 Pengagihan bayaran keuntungan Projek

Jika terdapat lebihan baki terkumpul bersih hasil daripada penjimatan kos projek yang dilaksanakan pada penghujung setiap projek, sama ada projek melalui Universiti atau syarikat, maka lebihan ini akan dikongsikan bersama antara Tabung Kewangan PTj (80%) dan hasil Universiti (20%). Syarikat perlu membuat bayaran lebihan tersebut kepada Universiti dan pengagihan bayaran akan dibuat oleh Pejabat Bendahari.

### 6.1.2 Para 13.3. Bayaran Penemu (*Introducer*) :

Para 13.3.1: Caj yuran yang boleh dikenakan secara *one-off* ini adalah dibenarkan dibayar kepada staf UTeM yang membantu bagi mendapatkan projek perundingan tertakluk kepada perundingan yang dilaksanakan dan persetujuan semua pihak yang terlibat (dengan syarat bukan staf syarikat) sebanyak 3% hingga 5 % seperti Jadual 1 bagi setiap projek perundingan yang diperolehi;

Para 13.3.2 : Bayaran penemu (*Introducer*) akan dimasukkan sebagai kos keseluruhan projek sama ada projek perundingan tersebut melalui Universiti atau di bawah Syarikat (Syarikat Induk dan Anak-anak Syarikat).

6.2 Pengurusan Tertinggi Universiti tidak dibenarkan untuk menerima bayaran sebagai penemu.

6.3 Dengan penggunaan Borang Daftar Perundingan (*Consultant Registration Form*) Pej.Pnc-Jim (Pjm18/02) maka Borang Penentuan Projek Perundingan High / Low Risk yang diedarkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Bil.4/2016

adalah terbatal, namun lain-lain maklumat pada surat pekeliling masih berkuat-kuasa.

- 6.4 Manakala lain-lain peraturan yang digariskan dalam Garis Panduan Perundingan (Pekeliling Bendahari Bil.3/2015) dan Surat Pekeliling Kewangan berkaitan perundingan adalah tidak berubah dan hendaklah dipatuhi oleh PTj dan syarikat dalam melaksanakan projek perundingan Universiti.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**  
Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
*DA/UPPP/2019*